

KTMB tawar diskaun 25 peratus untuk pakej Keluarga Malaysia

Februari 15, 2022 @ 9:10pm



KUALA LUMPUR: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) memperkenalkan diskaun Pakej Keluarga Malaysia menerusi Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dan KTM Intercity kepada warganegara Malaysia, bermula semalam hingga 31 Disember.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Rani Hisham Samsudin, berkata pakej itu menawarkan diskaun 25 peratus bagi pembelian minimum empat tiket dalam satu transaksi (dewasa dan kanak-kanak), untuk semua perkhidmatan ETS, Ekspres Rakyat Timuran dan Ekspres Selatan menggunakan kod promo KMKTM2.

"Sebagai menyahut seruan kerajaan bagi membantu memulihkan ekonomi negara, KTMB akan terus optimis dalam memastikan perkhidmatan tren kekal menjadi pilihan utama melalui promosi dirangka khas untuk Keluarga Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, melalui pakej itu, pihaknya menasaskan peningkatan jualan tiket terutama ketika musim cuti sekolah pada Mac ini dan sambutan Aidilfitri pada Mei.

Susulan itu, katanya, pengguna disarankan membuat pembelian tiket melalui aplikasi KTMB Mobile (KITS) atau melalui laman sesawang KTMB.– BERNAMA